

SULIT



**UTHM**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2022/2023**

NAMA KURSUS	:	KONTRAK DAN TAKSIRAN
KOD KURSUS	:	DAC 21902
KOD PROGRAM	:	DAA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	FEBRUARI 2023
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN YANG DISEDIAKAN.</li><li>2. PEPERIKSAAN AKHIR INI DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.</li><li>3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU.</li></ol>

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG LIMA (5) MUKA SURAT


SULIT

**TERBUKA**

- S1** (a) Semasa pembinaan kadar harga, terdapat beberapa elemen kos yang perlu dipertimbangkan. Senaraikan **EMPAT (4)** elemen kos tersebut.  
(4 markah)

- (b) Kerja penggalian tanah dilaksanakan peringkat awal pembinaan dan diukur dalam unit  $m^3$ . Lakar dan labelkan kerja penggalian yang diklasifikasikan mengikut kedalaman maksimum.  
(6 markah)

- (c) **RAJAH S1(c)** merupakan perincian pembinaan asas pad yang akan dilaksanakan oleh Syarikat ABC secara manual. Penyelia anda telah memberikan maklumat berikut, output buruh untuk kerja penggalian dengan tangan bagi asas pad tidak melebihi 1.0 m kedalaman adalah 3.5 jam/ $m^3$ . Manakala, kos papan dan tupang RM5.00 dan kadar keuntungan adalah 20%. Kirakan kos buruh bagi  $1m^3$  kerja penggalian untuk asas pad tersebut.



**RAJAH S1(c) : Perincian asas pad**

(5 markah)

- (d) Jelaskan **DUA (2)** kepentingan anggaran kos dalam industri pembinaan.  
(6 markah)
- (e) Berikan **EMPAT (4)** faktor yang boleh mempengaruhi ketepatan anggaran kos.  
(4 markah)

**S2** Kontrak adalah perjanjian diantara dua pihak yang kedua-duanya dengan penuh kesedaran berniat untuk saling mengikat mengikut prosedur undang-undang.

- (a) Terangkan definisi bagi kontrak mengikut Akta Kontrak 1950.  
(2 markah)
- (b) Di dalam sebuah proses pembinaan, terdapat beberapa pihak yang terlibat. Senaraikan **TIGA** (3) pihak utama yang terlibat dalam pembinaan.  
(3 markah)
- (c) Terdapat beberapa elemen kontrak yang utama di dalam kontrak binaan yang membolehkan suatu kontrak dilaksanakan. Senaraikan **ENAM** (6) elemen kontrak dalam kontrak binaan.  
(6 markah)
- (d) Pelaksanaan pentadbiran kontrak binaan di Malaysia lazimnya menggunakan borang kontrak piawai/setara. Terdapat beberapa jenis borang kontrak piawai yang diaplikasikan. Senaraikan **LIMA** (5) borang kontrak binaan piawai tersebut dan nyatakan kesesuaian penggunaannya.  
(10 markah)
- (e) Terdapat beberapa kelebihan yang menjadikan borang kontrak piawai ini sering menjadi pilihan berbanding dengan borang kontrak persendirian. Senaraikan **DUA** (2) kelebihan borang kontrak setara.  
(4 markah)

**S3** Sebelum sesuatu kontrak pembinaan dimeterai, proses tender akan dijalankan bagi memilih kontraktor yang layak untuk berkontrak dengan pihak klien.

- (a) Bincangkan **TIGA** (3) jenis tender yang biasa diamalkan di Malaysia.  
(6 markah)
- (b) Dokumen tender perlu disediakan dengan lengkap untuk menjadi panduan kepada petender menghargakan projek yang dicadangkan. Senaraikan **EMPAT** (4) isi kandungan dokumen tender tersebut.  
(4 markah)
- (c) Berikan definisi iklan tender.  
(2 markah)

- (d) Nyatakan **EMPAT (4)** maklumat yang perlu dinyatakan dalam iklan tender.  
(4 markah)
- (e) Jelaskan bagaimana perkara berikut memberi kesan ke atas pemilihan kontraktor pada peringkat tender.
- (i) Keteguhan kewangan  
(3 markah)
  - (ii) Pengalaman kerja  
(3 markah)
  - (iii) Harga yang munasabah  
(3 markah)
- S4**
- (a) Pengawai Penguasa boleh mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja (APK) ke atas kerja pembinaan bagi menyesuaikan keadaan tapak bina
- (i) Berikan definisi perubahan kerja sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 24.2 Borang Kontrak JKR 203A (Pin. 2010).  
(3 markah)
  - (ii) Sekiranya arahan perubahan kerja dibuat secara lisan, huraikan tindakan seterusnya yang perlu dibuat oleh Pegawai Penguasa (PP).  
(3 markah)
- (b) Fasal 13 Borang Kontrak JKR 203A (Pin. 2010) menyatakan kontraktor perlu menyerahkan sejumlah nilai kepada pihak klien dalam bentuk bon pelaksanaan atau wang jaminan pelaksanaan.
- (i) Kirakan nilai bon pelaksanaan yang perlu diserahkan oleh kontraktor kepada klien bagi kontrak kerja yang bernilai RM 2,000,000.00.  
(5 markah)
  - (ii) Sekiranya kontraktor memilih wang jaminan pelaksanaan, jelaskan kaedah penyerahan wang tersebut kepada pihak klien.  
(4 markah)
  - (iii) Terangkan keperluan bon pelaksanaan dikemukakan sebelum memulakan kerja-kerja di tapak bina.  
(4 markah)

**TERBUKA**

(c) Akta Adjudikasi dan Pembayaran Dalam Industri Pembinaan (*Construction Industry Payment and Adjudication Act* (CIPAA 2012)) telah dikuatkuasa pada 15 April 2014.

(i) Jelaskan tujuan akta ini diadakan dalam industri pembinaan.

(3 markah)

(ii) Berikan **TIGA (3)** sikap yang perlu ada pada *adjudicator* (pihak ketiga) yang dilantik.

(3 markah)

**- SOALAN TAMAT -**